

SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 10 TAHUN 2022**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2022 (ISNIN)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.**  
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**  
*D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**  
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman**  
Ahli Majlis
5. **Encik Mohd Safiee bin Harun**  
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**  
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**  
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**  
Ahli Majlis
9. **Encik Lim Tou Yih**  
Ahli Majlis
10. **Encik Razali bin Ahmad**  
Ahli Majlis
11. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**  
Ahli Majlis
12. **Puan Rahimah binti Harun**  
Ahli Majlis

13. **Encik Yong Keh Chyn**  
Ahli Majlis
14. **Encik Abu Bakar bin Mohamad**  
Ahli Majlis
15. **Encik Naharanuar bin Ayob**  
Ahli Majlis
16. **Puan Rogayah binti Ibrahim**  
Ahli Majlis
17. **Encik Norazmi bin Mohamed Tahir**  
Ahli Majlis
18. **Encik Lim Lip Suan**  
Ahli Majlis
19. **YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.**  
Ahli Majlis
20. **Encik Tan Wee King**  
Ahli Majlis
21. **Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy**  
Ahli Majlis
22. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**  
Ahli Majlis
23. **Encik Zulkipli bin Said**  
Ahli Majlis
24. **Encik Abd Razak bin Ramli**  
Ahli Majlis
25. **TPr Haji Arpaai bin Haji Sanat, A.M.S., P.P.T., P.K.T.**  
Setiausaha, MPKL

#### **TURUT HADIR**

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan & Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan

3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**  
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, P.J.K.**  
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap**  
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**  
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**  
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**  
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**  
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**  
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**  
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**  
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**  
Ketua Unit Perundangan
15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**  
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**  
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. **Encik Haridass a/l Ramasamy**  
Ahli Majlis

## **URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**  
Pegawai Tadbir
2. **Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus**  
Penolong Pegawai Tadbir
3. **Puan Rosmawati binti Othman**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**  
Pembantu Operasi
6. **Encik Mohd Shahril bin Sairon**  
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<b>UCAPAN Pengerusi</b>		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Al Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut :</p>		
	1.1	<p>Semua Ahli Majlis adalah dijemput dan diwajibkan hadir ke Majlis Amanat Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Pemimpin Masyarakat Negeri Selangor pada 3 November 2022 (Khamis), jam 2.00 petang hingga 5.00 petang di Dewan Raja Muda Musa, Lot 4 Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan, Shah Alam. Pakaian adalah baju korporat PBT masing-masing.</p>	<b>Makluman</b>
	1.2	<p>Beliau berharap tiada kejadian banjir berlaku di daerah Kuala Langat pada hari ini susulan hujan yang tidak berhenti turun sejak malam tadi hingga ke pagi ini.</p>	<b>Makluman</b>
	1.3	<p>Medan Selera MPKL Batu Laut telah berjaya memenangi Johan (Kategori A) dalam Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Negeri Selangor dan Peringkat Kebangsaan 2022.</p> <p>Insentif akan disampaikan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada 12 November 2022 ketika Majlis Perasmian Medan Selera MPKL Batu Laut serta Penutup Majlis Rewang Sekampung Peringkat Negeri Selangor.</p>	<b>Makluman</b>
	1.4	<p>Bagi proses penamaan calon pada 5 November 2022 ini, tempat berkumpul bagi penyokong-penyokong adalah di perkarangan Stadium Jugra seperti yang dipersetujui oleh pihak Polis.</p>	<b>Makluman</b>

	1.5	Pada 30 Oktober 2022 telah dilancarkan Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) di Jelajah Selangor Penyayang Sepang. YB Dato' Teng Chang Kim dan YAB Dato' Menteri Besar telah bersetuju untuk memulakan IDRISS pertama di Kuala Langat iaitu NCT Smart Selangor Park @ Kuala Langat.	<b>Makluman</b>
	1.6	Pihak Majlis telah mendapat kelulusan pembelian 47,495 unit tong sampah kepada semua Ahli Majlis untuk diedarkan di kawasan masing-masing. Ini sebagai salah satu inisiatif kepada pembayar cukai di daerah Kuala Langat.	<b>Makluman</b>
<b>2.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	<b>2.1</b>	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 SEPTEMBER 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Razali bin Ahmad tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>
<b>3.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	<b>3.1</b>	<b>PENYEDIAAN KREMATORIUM DI SERDANG BELAH</b>	
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi telah berbincang dengan YAB Dato' Menteri Besar berkaitan perkara ini dan beliau meminta agar projek ini disiapkan sebelum Pilihanraya Negeri Selangor.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan telah melihat pelan pembinaan krematorium tersebut dan meminta jumlah kebuk pembakar mayat ditambah kepada 3 unit berbanding 2 unit yang dicadangkan sebelum ini. Oleh itu, beliau meminta JPP mengatur Mesyuarat Jawatankuasa Caj Pemajuan dengan kadar segera dan berharap projek ini dapat dimulakan pada bulan Januari 2023.</p>	<b>JPP/JKPM</b>

	<b>3.2</b>	<b>CADANGAN PEMBERIAN KAD TOUCH N GO KEPADA PEMBAYAR CUKAI</b>	
		<p>Pihak JP telah mengenalpasti beberapa rekabentuk kad Touch N Go dan akan diberikan kepada 3,150 pembayar cukai yang terawal sahaja melibatkan mereka yang membayar cukai untuk setahun dan tiada tunggakan. Penebusan boleh dilakukan di Pejabat MPKL dan Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra. Bagi pembayar cukai yang membayar secara dalam talian boleh mengemukakan resit bayaran sebagai bukti pembayaran untuk penebusan kad tersebut.</p> <p>Pengarah JP memaklumkan akan membuat pembelian 4,000 kad yang berjumlah RM 140 ribu.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju memilih rekabentuk kad Touch N Go yang berwarna merah dan emas (sun gold). Kad ini juga akan diberikan kepada semua Ahli Majlis. Beliau meminta pemberian kad Touch N Go ini dihebahkan untuk makluman orang ramai.</i></p>	<b>Makluman</b>
<b>4.0</b>		<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</b>	
	<b>4.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OKTOBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	<b>4.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OKTOBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	Encik Yong Keh Chyn ingin tahu status pemasangan CCTV Program Bandar Selamat di Jalan Norton.  <i>Ketua BTM memaklumkan telah melantik pembekal untuk pemasangan 10 unit CCTV termasuk di Jalan Norton. Mesyuarat Kick Off CCTV akan diadakan pada 1 November 2022 ini.</i>	<b>Makluman</b>
	<b>4.3</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OKTOBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	<b>4.4</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OKTOBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	<b>4.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OKTOBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>



4.6	<p align="center"><b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OKTOBER 2022.</b></p>	
	<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
i.	<p><b>Perkara 4.7 (m.s. 8)</b></p> <p>Cik Ang Lee Yong mencadangkan seorang lagi Ahli Majlis ditambah dalam Jawatankuasa Kecil Tindakan Pelancongan MPKL.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju supaya keanggotaan Ahli Majlis dalam jawatankuasa ini adalah seramai lima (5) orang.</i></p>	<p align="center"><b>JKPM</b></p>
4.7	<p align="center"><b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 OKTOBER 2022.</b></p>	
	<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
i.	<p><b>Perkara 6.2.5 (m.s. 11)</b></p> <p>Puan Nor Aishah ingin tahu status Smart Kebun di Taman Langat Murni.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan telah menyediakan BQ bagi bekalan elektrik tersebut.</i></p>	<p align="center"><b>Makluman</b></p>
ii.	<p><b>Perkara 6.2.7</b></p> <p>Puan Nor Aishah memohon pindaan catatan minit mesyuarat iaitu :</p> <p>Beliau pohon ditutup bumbung Pusat Kitar Semula Kelanang bagi mengelakkan dimasuki monyet <b><u>dipinda kepada Beliau memohon pemasangan pagar di</u></b></p>	<p align="center"><b>Makluman</b></p>

		<p><u>sekeliling Pusat Kitar Semula Kelanang bagi mengelakkan dimasuki monyet dan menjadi tempat pembuangan sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.</u></p> <p>Selain itu, terdapat program kutipan sampah melibatkan komuniti dimana sampah-sampah yang dikutip itu perlu ditimbang. Oleh itu, beliau memohon bekalan elektrik di Pusat Kitar Semula tersebut.</p>	JPP/JK
5.0	<p><b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b></p>		
	5.1	<p><b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 17 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 SEPTEMBER 2022.</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.</p>	
	5.2	<p><b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 18 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 SEPTEMBER 2022.</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan pembedulan kepada :</p> <p>4.3 Permohonan Pelan Lampu Awam 4.3.1 Kertas Mesyuarat OSC – 4.6.7/17/2022</p> <p>Lokasi : PT 43516, Jalan Seri Gambut, Olak Lempit Ahli Majlis Kawasan : Encik Wong Kim Loon (MPP Zon 24) <u>dipinda kepada Encik Gan Yee Chin (MPP Zon 13)</u></p>	

6.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN														
	6.1	<p><b><u>ADDENDUM NO. 1</u></b></p> <p><b>PERMOHONAN MENGADAKAN AKTIVITI JUALAN SEMENTARA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2023 DI TAPAK PASAR PAGI AWAM JENJAROM.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Butiran permohonan</u></p> <table border="1" data-bbox="383 808 1145 1534"> <tr> <td data-bbox="383 808 646 927">Nama pemohon</td> <td data-bbox="646 808 1145 927">Encik Yew Ban Zau Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Cina Selangor</td> </tr> <tr> <td data-bbox="383 927 646 1005">Lokasi</td> <td data-bbox="646 927 1145 1005">Tapak Pasar Pagi Awam Jenjarom</td> </tr> <tr> <td data-bbox="383 1005 646 1368">Tarikh</td> <td data-bbox="646 1005 1145 1368">14 hari  5,6,19 dan 26 November 2022 (4 hari)  3,4,11,24,25 dan 31 Disember 2022 (6 hari)  1,7,8,14 Januari 2023 (4 hari)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="383 1368 646 1413">Masa</td> <td data-bbox="646 1368 1145 1413">5.00 petang – 10.00 malam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="383 1413 646 1458">Jumlah peniaga</td> <td data-bbox="646 1413 1145 1458">20 orang</td> </tr> <tr> <td data-bbox="383 1458 646 1534">Jenis aktiviti</td> <td data-bbox="646 1458 1145 1534">Pakaian, barangan am, makanan &amp; minuman</td> </tr> </table> <p><u>Syor</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, penganjur dikenakan syarat-syarat dan bayaran yang telah ditetapkan.</li> <li>2. Pihak Penganjur perlu mengemukakan dokumen berikut dalam tempoh 7 hari sebelum program dijalankan iaitu :</li> </ol>	Nama pemohon	Encik Yew Ban Zau Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Cina Selangor	Lokasi	Tapak Pasar Pagi Awam Jenjarom	Tarikh	14 hari  5,6,19 dan 26 November 2022 (4 hari)  3,4,11,24,25 dan 31 Disember 2022 (6 hari)  1,7,8,14 Januari 2023 (4 hari)	Masa	5.00 petang – 10.00 malam	Jumlah peniaga	20 orang	Jenis aktiviti	Pakaian, barangan am, makanan & minuman	JPL
Nama pemohon	Encik Yew Ban Zau Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Cina Selangor														
Lokasi	Tapak Pasar Pagi Awam Jenjarom														
Tarikh	14 hari  5,6,19 dan 26 November 2022 (4 hari)  3,4,11,24,25 dan 31 Disember 2022 (6 hari)  1,7,8,14 Januari 2023 (4 hari)														
Masa	5.00 petang – 10.00 malam														
Jumlah peniaga	20 orang														
Jenis aktiviti	Pakaian, barangan am, makanan & minuman														

2.1 Mengemukakan surat lantikan KDEBWM bagi kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di tapak penjaja.

2.2 Peniaga makanan dan minuman perlu mengemukakan Salinan sijil kursus pengendalian makanan dan Salinan surat suntikan TY6 dari mana-mana klinik kerajaan @swasta.

2.3 Resit pembayaran

3. Kadar fi dan bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut :

<b>Butiran</b>	<b>Jumlah bayaran</b>	
Permit Perniagaan Sementara	RM 7.00/ petak/penjaja/ hari	RM 1,960.00
Cagaran pematuhan kebersihan, sampah dan kerosakan harta awam	RM 1,000.00	RM 1,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 2,960.00</b>

4. Memastikan aspek keselamatan dan kawalan lalulintas diutamakan di lokasi serta mendapat bantuan keselamatan daripada pihak RELA.

5. Pemasangan kanopi perlu yang seragam dari segi warna, saiz dan penampilan. Hanya kanopi bersaiz 8'x8' yang dibenarkan.

6. Kelulusan berasingan diperlukan jika terdapat paparan iklan, banner atau bunting. Pemasangan kain rentang dan gegantung tertakluk kepada fi dan syarat di bawah UUK Iklan (MDKL) 2007.

7. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.

		<p>8. Waktu perniagaan yang dibenarkan bermula dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam dan pihak penganjur perlu memastikan peniaga mematuhi waktu operasi yang dibenarkan.</p> <p>9. Pematuhan kepada syarat-syarat semasa daripada MKN.</p> <p>10. Tidak dibenarkan menimbulkan apa-apa bentuk kacauganggu (bau, bunyi atau asap) sebelum, semasa atau selepas karnival dijalankan.</p> <p>11. Memastikan barangan yang dijual mematuhi syarat-syarat daripada KPDNHEP.</p> <p>12. Penganjur juga tertakluk kepada arahan dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi kerajaan lain.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>											
	<p>6.2</p>	<p><b><u>ADDENDUM NO. 2</u></b></p> <p><b>PERMOHONAN MENGADAKAN PROGRAM AGRO GREEN DI PANTAI MORIB.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i><u>Butiran permohonan</u></i></p> <table border="1" data-bbox="357 1473 1142 1796"> <tr> <td>Nama penganjur</td> <td>Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat</td> </tr> <tr> <td>Tarikh</td> <td>5 &amp; 6 November 2022 (2 hari)</td> </tr> <tr> <td>Jenis aktiviti</td> <td>Jualan produk pertanian dan tanaman</td> </tr> <tr> <td>Bil. Khemah</td> <td>11 unit</td> </tr> <tr> <td>Bil. Peniaga</td> <td>5 peniaga trak makanan</td> </tr> </table>	Nama penganjur	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat	Tarikh	5 & 6 November 2022 (2 hari)	Jenis aktiviti	Jualan produk pertanian dan tanaman	Bil. Khemah	11 unit	Bil. Peniaga	5 peniaga trak makanan	<p>JPL</p>
Nama penganjur	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat												
Tarikh	5 & 6 November 2022 (2 hari)												
Jenis aktiviti	Jualan produk pertanian dan tanaman												
Bil. Khemah	11 unit												
Bil. Peniaga	5 peniaga trak makanan												

Syor

1. Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, penganjur dikenakan syarat-syarat dan bayaran yang telah ditetapkan.
2. Pihak Penganjur perlu mengemukakan dokumen berikut dalam tempoh 7 hari sebelum program dijalankan iaitu :
  - 2.1 mengemukakan surat lantikan KDEB bagi kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di tapak penjaja.
  - 2.2 Peniaga makanan dan minuman perlu mengemukakan salinan sijil kursus pengendalian makanan dan Salinan surat suntikan TY6 dari mana-mana klinik kerajaan @swasta.
  - 2.3 Resit pembayaran
3. Kadar fi dan bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut :

<b>Butiran</b>	<b>Fi bayaran</b>	<b>Jumlah</b>
Permit khemah	Dikecualikan (Pameran)	RM 0.00
Permit perniagaan (trak makanan) (5 unit)	Dikecualikan	RM 0.00
Sewa dataran	Dikecualikan	RM 0.00
Cagaran pematuhan kebersihan, sampah dan kerosakan harta awam	RM 1,000.00	RM 1,000.00
Caj penggunaan air	RM 500.00	RM 500.00
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 1,500.00</b>

4. Pihak Jabatan menerima permohonan pengecualian bayaran permit perniagaan, sewaan dataran memandangkan pemohon tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada peniaga trak makanan dan usahawan yang terlibat.
5. Pihak Penganjur perlu menyediakan set penjana elektrik sendiri bagi bekalan elektrik.
6. Bagi aktiviti hiburan, pihak penganjur perlu bertanggungjawab agar program berbentuk hiburan adalah tidak melampau dari segi artis, muzik dan sebagainya.
7. Memastikan aspek keselamatan dan kawalan lalulintas diutamakan di lokasi serta mendapat bantuan keselamatan daripada pihak RELA.
8. Pemasangan kanopi perlu yang seragam dari segi warna, saiz dan penampilan.
9. Pemasangan kain rentang dan gegantung tertakluk kepada fi dan syarat di bawah UUK Iklan (MDKL) 2007.
10. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.
11. Waktu perniagaan yang dibenarkan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 malam dan pihak Penganjur perlu memastikan peniaga mematuhi waktu operasi yang dibenarkan.
12. Pematuhan kepada arahan semasa daripada MKN.
13. Tidak dibenarkan menimbulkan apa-apa bentuk kacauganggu sebelum, semasa atau selepas karnival dijalankan.
14. Memastikan barangan yang dijual mematuhi syarat daripada KPDNHEP.
15. Sekiranya terdapat program rasmi di peringkat Kerajaan atau MPKL yang dijalankan pada masa dan lokasi yang sama permohonan ini diluluskan, kelulusan ini adalah terbatal secara serta-merta.

		<p>16. Penganjur juga tertakluk kepada arahan dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi kerajaan lain.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
	6.3	<p><b><u>ADDENDUM NO. 3</u></b></p> <p><b>KERTAS CADANGAN SYARAT BAYARAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK SEBAGAI SYARAT BAGI PERMOHONAN BARU/MEMPERBAHARUI LESEN PERNIAGAAN DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Latar belakang</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bilangan 1/2021 pada 13 Disember 2021 telah bersetuju dan meluluskan cadangan berhubung penyelesaian bayaran cukai tanah dan cukai petak diletakkan sebagai syarat bagi permohonan baru/memperbaharui lesen perniagaan di semua Pihak Berkuasa Tempatan Selangor.</li> <li>2. Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut : <ol style="list-style-type: none"> <li>2.1 pemilik perniagaan adalah disyaratkan untuk menjelaskan bayaran cukai tanah dan cukai petak bagi tahun semasa sebelum mengemukakan permohonan baru atau memperbaharui lesen perniagaan di mana-mana PBT di Negeri Selangor.</li> <li>2.2 Bayaran cukai tanah dan cukai petak yang perlu dijelaskan adalah merujuk kepada cukai tanah yang dikenakan ke atas lot terletaknya premis perniagaan tersebut.</li> <li>2.3 Bagi bukti pembayaran cukai tanah atau cukai petak tahun semasa yang telah</li> </ol> </li> </ol>	JPL



dijelaskan, pihak PBT boleh merujuk dokumen-dokumen seperti bayaran dijelaskan di kaunter hasil PTGS/PDT/PBT, Pejabat Pos/Pos Online, resit bayaran melalui portal esemakan dan ebayaran/*online banking*.

2.4 Maklumat cukai tanah yang telah disahkan oleh PTGS atau surat pengecualian cukai tanah/petak (bagi tahun semasa) yang telah disahkan oleh PTGS/PDT.

Syor

1. Pihak Jabatan mengesyorkan untuk menjalankan pelaksanaan cadangan syarat bayaran cukai tanah dan cukai petak dijelaskan sebagai syarat bagi permohonan baru lesen perniagaan bermula 1 November 2022.
2. Bagi pembaharuan lesen bagi tahun 2023 yang akan bermula pada 1 November 2022 dan akan berakhir pada 31 Disember 2022, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa kekangan seperti berikut :
  - 2.1 Tiada semakan secara atas talian sebagai pemudahcara untuk mengemukakan bukti pembayaran cukai tanah dan cukai petak bagi tahun semasa yang dapat disemak di MPKL.
  - 2.2 Hasil perbincangan antara pihak MPKL bersama pihak PDKL, pihak Majlis memohon untuk membuka satu kaunter semakan bagi pembayaran cukai tanah dan cukai petak. Namun pihak PDKL tidak dapat melaksanakan perkara tersebut.
  - 2.3 Syarat ini belum dibuat hebahan secara meluas peniaga yang terlibat.
3. Pihak Jabatan akan membuat hebahan berkenaan bayaran cukai tersebut kepada pelesen semasa pembaharuan lesen 2023 berlangsung pada bulan November hingga Disember 2022.

		<p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
<b>7.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Razali bin Ahmad.		
	7.1	<p>Beliau mengucapkan salam sejahtera dan selamat pagi kepada YBhg. Dato' Pengerusi, Timbalan Yang Dipertua, YAD Orang Besar Daerah Kuala Langat, semua Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau merakamkan ucapan penghargaan kerana diberi peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan dalam Mesyuarat MPKL pada hari ini.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato' Pengerusi dan seluruh warga kerja MPKL serta rakan-rakan Ahli Majlis yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis.</p>	<b>Makluman</b>
	7.2	Beliau memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau keterlanjuran kata-kata di dalam ucapan penangguhan ini.	<b>Makluman</b>
	7.3	<p>Sesungguhnya amat berat untuk beliau menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini kerana ini merupakan penggal terakhir beliau sebagai Ahli Majlis. Dalam kesempatan ini beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Parti Keadilan Rakyat dan pucuk pimpinan Cabang yang lepas khususnya kepada Saudara Mohd Afiq bin Mohd Tuniman dan Saudara Abu Bakar bin Mohamad kerana telah mengekalkan beberapa orang Ahli Majlis daripada PKR Daerah Kuala Langat bagi sesi 2021-2022.</p> <p>Namun beliau berasa sedih dan berkecil hati kerana tatkala sesi 2021-2022 masih belum tamat, telah ada</p>	<b>Makluman</b>

		<p>pimpinan Cabang yang mendesak pimpinan di peringkat Negeri Selangor supaya menggugurkan serta-merta semua Ahli Majlis yang bukan dari kumpulan ini.</p> <p>Perkara ini telah terpesong jauh dari matlamat reformasi yang sebenar. Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa setiap yang bermula pasti akan ada pengakhirannya tanpa mengira kerelaan atau tidak.</p>	
7.4	<p>Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis, beliau telah melalui 2 fasa yang berbeza iaitu dari Majlis Daerah Kuala Langat kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat. Beliau memanjatkan kesyukuran kerana tahun 2022 ini merupakan ulang tahun kedua pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat dan disebabkan ini juga harapan penduduk Kuala Langat terhadap pentadbiran Majlis dan urus tadbir MPKL terlalu tinggi sehingga terdapat isu-isu yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab MPKL. Namun rakyat masih menasarkankan MPKL sebagai tempat melepaskan kemarahan dan ketidakpuasan hati.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, berdasarkan pengalaman yang telah dilalui, perubahan jauh lebih baik daripada yang sebelum ini. Terutama waktu ini bukan hanya memuji tetapi harus diakui bahawa kita telah menerima seorang Yang Dipertua yang sangat berpengalaman, berfikiran terbuka, sentiasa menerima segala pandangan dan cadangan daripada semua pihak, sentiasa bersabar dalam melayani pelbagai kerenah Ahli Majlis.</p> <p>Oleh yang demikian, beliau berharap agar semua dapat memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi bagi seiring dengan dasar, misi dan visi yang dibawa oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua.</p>	<b>Makluman</b>	
7.5	<p>Tidak dinafikan kita sentiasa cakna dengan isu-isu pentadbiran, gerak kerja dan pengurusan komuniti. Walau bagaimanapun, masih ada ruang yang perlu diperhalusi dan diperbaiki dari semasa ke semasa terutama berkaitan dengan kerenah birokrasi. Tindakan ini perlu dilaksanakan secara proaktif agar pandangan negatif masyarakat terhadap MPKL tidak terus berlanjutan kerana masyarakat kini sudah bijak dan</p>	<b>Makluman</b>	

		<p>rasional. Mereka akan terus memerhati dan menilai prestasi MPKL sepanjang masa.</p> <p>Justeru itu, beliau mengingatkan dan berpesan kepada diri sendiri serta Ahli Majlis dimana dalam keghairahan membawa permasalahan rakyat jangan sesekali kita melupakan lencana (logo) yang berada di dada kiri kerana Ahli Majlis merupakan sebahagian daripada keluarga besar MPKL.</p> <p>Beliau berharap hubungan silaturrahim yang terjalin ini tidak akan terhenti begitu sahaja.</p>	
	<b>7.6</b>	<p>Akhir kata sekali lagi beliau memohon kemaafan atas kesilapan dan kekhilafan sepanjang beliau berkhidmat di MPKL ini. Semoga muafakat semua pihak akan menjadikan Kuala Langat sebuah perbandaran yang paling unggul di rantau ini.</p>	<b>Makluman</b>
<b>8.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI</b>	
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Razali bin Ahmad di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Beliau mengambil maklum bahawa akan terdapat beberapa orang Ahli Majlis yang akan menamatkan perkhidmatan lebih awal daripada tempoh yang sepatutnya. Namun beliau berharap kerjasama yang sekian lama terjalin akan terus kekal.</p> <p>Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT  
BILANGAN 10 TAHUN 2022**

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat  
Tarikh siap : 2/11/2022

Disemak oleh :



.....  
**(TPr HAJI ARPAAII BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)**  
Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loop  
dan disokong oleh Encik Razali b. Ahmad tanpa pindaan.

**PETUNJUK :**

- |            |   |   |
|------------|---|---|
| 1. JKP     | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN                                    |
| 2. JP      | - | JABATAN PERBENDAHARAAN  |
| 3. JPPH    | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA                        |
| 4. JPL     | - | JABATAN PELESENAN   |
| 5. JPP     | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN                               |
| 6. JK      | - | JABATAN KEJURUTERAAN  |
| 7. JKB     | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN                                      |
| 8. JL      | - | JABATAN LANDSKAP  |
| 9. JKPM    | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN<br>MASYARAKAT                |
| 10. JPK    | - | JABATAN PENGUATKUASAAN  |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN<br>KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM    | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT                                   |
| 13. UU     | - | UNIT PERUNDANGAN  |
| 14. UAD    | - | UNIT AUDIT DALAM  |
| 15. OSC    | - | UNIT PUSAT SETEMPAT   |
| 16. COB    | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN                                     |
| 17. U PUB  | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN                                 |
| 18. BSP    | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA                         |

*rosmawati/mesyuarat mpkl 10/2022*